

# Pakar bius Sabah pertama dilantik Naib

## Canselor UMS

DE 15.6.2017 1

KOTA KINABALU: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. D Kamarudin D Muđin (gambar)



dilantik sebagai Naib Canselor UMS ke-5 berkuat kuasa 19 Jun ini.

D Kamarudin, 49 tahun, bakal menggantikan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah yang akan tamat penggal pada 18 Jun ini.

Pelantikan ini sekali gus menjadikan D Kamarudin sebagai anak kelahiran negeri Sabah ketiga memegang jawatan tertinggi universiti tersebut selepas Dr Mohd Harun dan bekas Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj Ampon.

D Kamarudin, anak kelahiran Kota Belud, Sabah, merupakan Profesor Gred Khas C (Perubatan) dengan kepakaran dalam bidang Anesthesiology dan pernah menyandang jawatan sebagai Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor pada April 2015.

Beliau yang mula menyertai UMS pada 2004, sebelum ini berkhidmat bersama Kementerian Kesihatan Malaysia di Hospital Queen Elizabeth selama 12 tahun dan merupakan Pakar Bius Anak Sabah yang pertama.

Pelantikan beliau diumumkan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dalam satu kenyataan rasmi pada Rabu.

Pengumuman itu sekaligus mengakhiri perdebatan hangat mengenai isu itu selepas dikhabarkan sebelum ini bahawa seorang yang bukan berasal dari Sabah disenaraikan untuk mengambil alih jawatan itu.

Banyak pihak dari parti pemerintah dan pembangkang menggesa UMS melantik seorang rakyat Sabah ke jawatan itu.